

RAYA HAJI SALE

DISKAUN 50%
SEPASANG BAJU MELAYU DEWASA

BELI 1 FREE 1
BAJU MELAYU KANAK-KANAK

JUBAH LELAKI
dr \$25
DAPAT FREE SELUAR BERHARGA \$12

DISKAUN 20%
ABAYA WANITA DARI DUBAI
Harga Biasa dr \$48
\$38.40

DISKAUN 10%
ABAYA KANAK-KANAK DARI DUBAI

DATANG DAN PASTIKAN!

SUDAH BERMULA HINGGA 15 OCTOBER 2013
GOLDEN LANDMARK (ARAB STREET) #01-60
TEL: 8686 0066
(11 pagi - 8 malam)

Selagi stok masih ada
Tertakluk pada terma dan syarat

Ulang tahun ke-90 LKY dirai, jasa dihargai

JASA dan sumbangan mantan Perdana Menteri, Encik Lee Kuan Yew, kepada negara ini dan usaha beliau menjalin hubungan rapat antara Singapura dan China diberi penghargaan dalam satu majlis jamuan di Hotel Shangri-La malam tadi.

Majlis anjuran tiga pertubuhan Cina setempat itu juga diadakan untuk menyambut ulang tahun Encik Lee yang ke-90.

Badan-badan itu ialah Persekutuan Persatuan Suku Kaum Cina Singapura (SFCCA), Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina Singapura (SCCCI) dan Business China.

Berucap di majlis tersebut, Presiden SFCCA, Encik Chua Thian Poh, berkata:

“Encik Lee telah mengubah Singapura menerusi wawasannya yang luar biasa, ketabahan dan kesungguhan, memimpin negara ini dari sebuah negara dunia ketiga dengan sumber terhad menjadi sebuah negara dunia pertama yang maju dan makmur.

“Encik Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri Singapura yang pertama pada 1959 dan beliau terus percaya kepentingan membina sebuah negara bersepadu, berbilang bangsa berdasarkan meritokrasi,” kata Encik Chua.

Sekitar 800 tetamu hadir di jamuan itu, termasuk pemimpin Melayu seperti Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, dan Menteri Negara (Pertahanan merangkap Pembangunan Negara), Dr Mohamed Maliki Osman.

Selain acara sambutan

ulang tahun, pertubuhan perniagaan Business China telah memberi Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Business China kepada Encik Lee bagi menghargai sumbangan beliau memperkukuh hubungan dua hala Singapura-China.

Business China merupakan inisiatif SSCI yang ditubuhkan pada 2011 untuk penggunaan dwibahasa dan dwibudaya.

Selain menjadi jambatan hubungan antara Singapura dan China, persatuan itu juga membimbing rakyat Singapura untuk mempersiapkan diri mengendalikan perniagaan dan perhubungan di China.

Dalam rangka majlis itu, Business China juga telah melancarkan buku bergambar yang diberi tajuk *Lee Kuan Yew and Singapore-China Relations*.

Buku edisi terhad yang tidak dijual itu telah dihadiahkan kepada 800 tamu yang hadir di majlis itu sebagai cenderahati.

Buku itu mendokumentasikan detik-detik bersejarah dalam pembangunan Singapura-China dengan menggariskan penglibatan Encik Lee dengan pemimpin China.

Ia juga memaparkan foto-foto yang dipetik ketika kunjungan Encik Lee ke China sepanjang tempoh 40 tahun.

Sebilangan besar foto yang dipaparkan itu belum pernah diterbitkan.

Dua lagi buku juga telah dilancarkan di majlis tersebut.

Buku-buku itu bertajuk *Lee Kuan Yew: Life in Pictures* dan *Singapore chose Lee Kuan Yew*.

ANUGERAH PRESIDEN BAGI GURU 2013



JASA DIKTIKRAF: Cik Shakila menerima Anugerah Presiden bagi Guru 2013 daripada Presiden Tony Tan Keng Yam semalam sambil disaksikan isteri beliau, Cik Mary Tan, dan Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat (terlindung). – Foto M.O. SALLEH

Program ‘Perbicaraan Tiga Minit’ bawa pengiktirafan

NUR DHUHA ESOOF
nurdhuha@sph.com.sg

DULU pendiam dan tidak suka bertanya.

Itulah gambaran yang diberikan Cik Shakila Jamal Mohamed mengenai dirinya sewaktu di sekolah rendah dan menengah.

Namun sikap kurang keyakinan diri itu berjaya dihapuskan atas sokongan dan galakan seorang guru yang dikenali sebagai Mrs David ketika menuntut di Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim dahulu.

Kini, apabila beliau sendiri menjadi guru bahasa Inggeris, Cik Shakila memberi peluang serupa kepada setiap pelajarinya.

Seperti Mrs David, Cik Shakila, 45 tahun, menggalakkan pelajar darjah enam di Sekolah Rendah Da Qiao yang diajarinya berdiri di hadapan kelas dan bercerita tentang sesebuah topik selama tiga minit.

Semalam, usaha guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 23 tahun itu mendapat pengiktirafan apabila beliau dinobatkan se-

bagai antara enam penerima Anugerah Presiden bagi Guru 2013.

Ia adalah pengiktirafan tertinggi negara bagi guru dan diberikan oleh Presiden Tony Tan Keng Yam di Istana sempena Hari Guru.

Lima penerima lain ialah Penye-laras Matematik Sekolah Rendah Xinghua, Cik Chee Mui Choo; Ketua Mata Pelajaran Sastera Sekolah Menengah Bedok Green, Encik Lee Beng Wah; Ketua Jabatan Matematik Sekolah Menengah Hougang, Cik Lee Yee Tyng; Ketua Jabatan (Aliran Normal) Sekolah Menengah Kent Ridge, Cik Lim Chye Ling @ Nurul Huda; dan Guru Kan-an (Matematik) Maktab Rendah In-nova, Cik Chan Puay San.

Dalam wawancara dengan *Berita Harian*, Cik Shakila menjelaskan bahawa beliau membina keyakinan di kalangan pelajarinya menerusi program yang dikenali sebagai Perbicaraan Tiga Minit.

“Program ini adalah cara saya menambah nilai dalam pembelajaran pelajar. Saya lakukannya ber-

dasarkan pengalaman saya dahulu. Saya akui memang waktu itu, saya rasa cukup gerun ke hadapan kelas dan berbicara.

“Tetapi guru saya memuji dan menggalakkan saya. Jadi inilah yang saya amalkan di dalam kelas sekarang,” ujar ibu tiga anak itu.

Bagi beliau, membina keyakinan diri pelajar sangat penting.

“Menjadi seorang yang fasih bertutur dan dapat berbicara dengan berkesan juga sangat berguna bukan sahaja untuk Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) bahkan bagi masa depan mereka.”

Cik Shakila, yang mempunyai ijazah Sarjana dalam Pengurusan Pendidikan, berkata kebanyakan pelajarinya berharap agar program Perbicaraan Tiga Minit itu dapat dilakukan dengan lebih kerap lagi.

“Pelajar yang pemalu pula mengucapkan terima kasih kerana memberi mereka peluang bercakap di hadapan orang ramai.

“Maklum balas sedemikian membuat saya lebih bersemangat untuk membantu pelajar,” kata Cik Shakila.